

MELUASKAN PERSURATAN MELAYU

OLEH: ZA'BA

ILMU MENGARANG CERITA WAYANG

(oleh : Taufik Al-Hakim)

3. Binaan ceritan wayang :

Cerita wayang itu ialah suatu binaan yang berdiri sebahagiannya di atas sebahagian yang lain dan tiap-tiap sukunya berikutan dengan kesemua suku-suku yang lainnya dengan kemas pertalian logiknya dan susunan aturannya. Maka segala suku-suku dan bahagian-bahagian yang terkandung di dalam binaan ini terjadi daripada tiga peringkat perjalanan: Iaitu peringkat tayangan yakni menyuaikan atau mengenalkan; peringkat simpulan cerita iaitu menyimpulkan kejadian-kejadian cerita itu dengan segala kait mengaitnya; dan akhirnya peringkat huraian iaitu menghuraikan simpulan itu tadi bagi menamatkan ceritanya.

Peringkat tayangan itu kewajipannya ialah mengenalkan orang-orang cerita itu dan membayangkan rupa-rupa kejadian yang akan nampak nyata romannya kemudian kelak; dan dari situ akan bersimpul semakin kusut halnya, kemudian lalu terpeta kesudahannya iaitulah mahkota atau penghabisannya.

Maka jalan melakukan tayangan atau pengenalan ini banyak iaitu berlain-lainnya mengikut berlainan-lainan pengarang dan ceritanya. Misalnya jelas yang diikut oleh Molière bagi mengenalkan orang yang jadi "putra" atau lapangan dalam cerita "Tartuffe" (Le Tartuffe) adalah berlainan daripada jalan yang dia juga memakainya mengenalkan lapangannya dalam cerita "Mousieur Bourgeoise" (Mousieur Bourgeoise). Dalam cerita "Tartuffe" ia tidak mengeluarkan lapangannya itu di atas panggung dari awal-awal cerita itu bermula, tetapi disendikannya segala persabdaan baginya yang akan membawanya keluar, iaitu disebutkan dengan menceritakan rupanya, dengan

membutirkan satu persatu hal keadaannya, dengan gayangan rajah-rajah kasar, dan dengan gambaran perkataan. Maka apabila si lanang atau "putra" itu keluar ke panggung kemudian daripada itu, orang menonton atau membaca cerita itu sudahlah kenal dan tahu beberapa banyak perkara dari hal diri si lanang itu, dan tidaklah ada apa-apa lagi bagi penonton atau pembaca melainkan perhati sahajalah akan halnya pada kejadian-kejadian yang berlaku dalam cerita itu supaya dapat tahu apa kesannya kejadian-kejadian itu di atas lanang itu atau apa kesan lanang itu di atas kejadian-kejadian itu. Adapun dalam Cerita "Tuan Bourgeoise" kita lihat sebalik daripada itu pula, iaitu lanang cerita itu keluar dari ketika dimulakan



Murtaza Za'ba, anakanda kepada

A. Za'ba penulis ruangan ini. Ia telah belseyar ke London kerana menjadi juruhebah radio BBC London.

lakonan itu lagi tidak ada siapa menyiapkan bagi kedatangannya dengan apa-apa cakap jua dan tidak kita ketahui sedikit pun halnya lebih dahulu. Maka apabila ia membuka mulut sahaja berkata-kata kenallah oleh kita dari perkataannya itu bagaimana rupa hatinya dan akal budinya, atau bijak dan bebalnya dan tiap-tiap kali mendalamkan percakapan terbukalah kepada kita sebahagian daripada huruf diberinya yang tersembunyi. Jadinya di sini lanang itu sendirilah yang mengenalkan dirinya dengan kelakuannya dan perkataannya sendiri dari permulaan cerita itu lagi.

Ada suatu jalan yang lain pula diikut oleh Shakspeare pada mengenalkan lanangnya "Macbeth". Maka iaitu tidaklah ada sesiapa pun telah menyediakan kedatangan dengan apa-apa cakap, dan dia sendiri pun apabila keluar ke panggung tidaklah membukakan apa-apa dengan percakapannya sendiri dari hal tabiat dan budi perangai dirinya. Tetapi suatu kejadian yang terbit dengan serta merta telah terhadap kepadanya pada masa keluarnya di atas panggung itu; maka tersualah suatu suluhan di atas ceruk-ceruk gua dirinya yang batin yang tiada kelihatan dahulu daripada itu. Kejadian itu ialah telahan masa akan datang yang telah diserukan kepadanya oleh perempuan-perempuan pertapa (nenek kebayan dalam cerita itu: Apabila keluar sahaja Macbeth di atas panggung maka dengan seketika itu juga nenek-nenek kebayan itupun menyerukan telahan mereka kepadanya iaitu mengatakan ia akan naik jadi raja. Kejadian yang muncul dengan tiba-tiba dan dengan segala kemudahannya ini telah mencarikkan kepada kita dengan pesatnya akan tudungan hati Macbeth: Maka ternampaklah padanya warna-warna perasaan jahat Macbeth sendiri pun tidak tahu seumur hidupnya dahulu daripada itu. Sifat-sifat kedirian Macbeth sepanjang-panjang masa yang telah lalu tidaklah dapat memberi bekas apa-apa jua di atas kejadian-kejadian akan datangnya. Bahawa ia pada masa yang telah lalunya tidaklah ada apa-apa habuk cemar yang mencomotkan, tetapi tabiat perangainya yang baik pada masa yang telah lalu itu tidak dapat berkuasa apa-apa menyekat tamak

haloba pada masa akan datang itu.

Oleh sebab itu tidaklah Shakespeare berasa perlu menayangkan hal-hal Macbeth yang telah lalu. Bahawa Macbeth pada pandangan Shakespeare ialah seorang yang sentiasa merenung ke atas dan berangan-angan besar – angan-angan gilakan pangkat yang menghancur leburkan segala rantai ikatan; angan-angan itulah sendiri masa akan datangnya yang menelan dan meratah segala keadaan masa hadir dan masa telah lalunya. Oleh itu cerita itu mulai dengan seolah-olah orang-orang di dalamnya berkejar berkinja dalam masa akan datang, iaitu masa akan datang yang mengubah tiap-tiap suatu, masa akan datang yang menumpuhkan darah membunuh tiap-tiap sesuatu, sehingga sifat-sifat baik seseorang lanang pada masa yang telah lalu pun terbunuh juga olehnya.

Maka cerita Othello pula adalah berakas daripada itu. Di sini keadaan masa telah lalu si lanang itulah pula yang telah memberi bekas di atas masa akan datang dan yang telah mendorong dia kepadanya. Di sini tabiat Othello pada masa yang telah lalunya – dengan segala kepanasan negeri Maghribi dan kekuatan darah jantung yang mendidih dan kebodohan pahlawan dan kelemahannya di tangan perempuan dan keberaniannya – itulah dia semuanya yang telah membawa kepada kejadian sedih pada masa akan datang itu. Maka oleh sebab sangat pentingnya hal Othello yang telah lalu ini telah menjadikan Shakespeare berkehendak mengenalkan kehidupan lanangnya yang telah lalu itu kepada penonton-penonton sekalian dengan pembentangan yang secukup penuh sekali – iaitu ada kalanya ditayangkan di atas lidah Othello sendiri dan ada kalanya di atas lidah orang lain.

Jadinya nyatalah jalan menayangkan atau mengenalkan hidangan cerita itu berlainan-lainan, bukan sahaja mengikut berlain-lain pengarangnya tetapi juga mengikut berlain-lain perkara ceritanya dan berlain-lain keadaan diri orang cerita itu.

Sudahnya setelah sempurna bahagian tayangan yang mengenalkan itu mulailah pula peringkat yang kedua iaitu peringkat menyimpulkan ceritanya. Maka ini ialah petaan kejadian yang hampir-hampir hendak berlaku dan daripada terjadinya itu



A Murtaza Za'ba (di tengah-tengah) bersama-sama dengan ibunya (di kanan) dan adiknya (Cik Azizah Za'ba) di kiri berserta keluarganya tatkala hendak berangkat ke England pada awal minggu bulan Oktober 1951.

-----*-----*

berikut kehasilan sesuatu natijah atau beberapa natijah; atau pun adalah ia suatu masalah yang payah dalam perkara masyarakat atau perkara berkenaan dengan hal kasih sayang, atau perkara ilmu fikiran – suatau kepayahan yang siap akan terzahir dan daripada terzahirnya serta kait mengait antara tepi-tepiinya itu terbitlah suatu natijah atau beberapa natijah pula.

Dalam pada itu tidaklah pula termesti pada semua hal bahawa peringkat mengenalkan dengan peringkat menyimpulkan ini hendaklah tercerai dan terasing betul antara keduanya atas cara yang terang. Bahkan kadang-kadang ada terjadi kedua-dua peringkat itu bermasuk-masukan antara satu dengan satunya. Sebagaimana yang kita boleh lihat demikian itu pada cerita Macbeth. Di situ ceritanya bermula dengan suatu kejadian iaitu kejadian perempuan-perempuan pertapa itu menuturkan telahan mereka kepada Macbeth. Kejadian ini mengenalkan kepada kita sifat-sifat kedirian Macbeth, dan dalam semasa itu juga ia menyediakan

bagi kita simpulan cerita itu jadi adalah seolah-olahnya kita lihat orang-orang cerita itu terjongol naik ke hadapan kita dari dalam perut hal yang terjadi itu, atau pun seolah-olahnya kita dapatti mereka itu terdiri di hadapan kita dengan tiba-tiba tertayang dan tertubuh daripada lembar-lembar simpulan cerita itu.

Tetapi dalam cerita Othello kita dapatti sebalik daripada itu pula. Di situ kita lihat peringkat tayangan atau pengenalan tercari dan terasing betul daripada peringkat simpulan cerita itu. Kita dapatti di situ dua peringkat yang berharap jauh dan berbezaan antara yang satu dengan yang satunya lagi. Peringkat tayangan di situ membawa kita berlari dengan sekali

jalan bersama-sama orang cerita itu pada kehidupan mereka yang biasa sehingga kita kenal mereka pada masa telah lalunya dan masa sekarangnya, bahkan sehingga hampir-hampir dapat rasanya kita merasa dengan tangan kita akan setengah dari tabiat mereka dan keperangan mereka. Maka dari situ kita terkejut kerana kelihatan pula peringkat simpulan cerita itu muncul perlahan-lahan daripadanya iaitu dengan perlahan mulai memancar seperti bunga api yang kecil pada awalnya berterbangan daripada kejadian bergesek antara perangai-perangai dan tabiat-tabiat ini satu dengan lainnya, hingga pada akhirnya jadi menyalah dan terbakar besar.

Disini boleh kita perhati bahawa yang menentukan bagaimana jalan binaannya cerita wayang itu ialah warna cerita wayang itu sendiri. Jika peringkat simpulan itu keluarannya daripada tabiat-tabiat orang-orang cerita itu nescaya terwajiblah dikenalkan tabiat-tabiat ini dengan tayangan yang cukup penuh sebelum berlaku kejadiannya itu. Ada pun jika peringkat simpulan itu keluarannya daripada salah satu

kejadian dari luar (seperti telahan perempuan-peremuan pertapa dalam cerita Macbeth) nescaya bercantum dan bermasuk-masukanlah peringkat tangan dengan peringkat simpulan itu lalu keluar bersama-sama.

Ini hanyalah suatu perhatian sahaja dan tidak lebih daripada perhatian, maka suatu perkara yang bahaya dalam apa-apa ilmu pertukangan itu ialah kiranya kita lampau sempadan perhatian lalu membuatkan undang-undang yang tetap baginya. Sungguhlah ilmu pertukangan itu suatu susunan yang teratur atas faedah yang kemas, tetapi ia tidak suka akan undang-undang. Ilmu pertukangan itu suatu kebebasan yang teratur, kebebasan yang mengatur dirinya dengan jalan dirinya sendiri dan tidaklah sekali-kali ia menerima jika diundang-undangkan peraturan di atas oleh orang lain. oleh itu kita lihat di antara cerita-cerita wayang ada cerita-cerita yang peringkat simpulannya terjadi daripada berlaga di antara tabiat semula jadi dengan sifat-sifat keperangaian; dan tabiat-tabiat dan keperangaian-keperangaian ini hanya tertayang kepada kita tidak lain melainkan dalam keadaannya berpalu-palu dan berlaga-laga di dalam lembar-lembar yang peringkat simpulan itu jua. Begitu pula kita lihat ada cerita-cerita wayang – istimewa jenis yang terkarang dalam zaman baharu sekarang ini – yang tidak ada padanya peringkat simpulan sekali-kali; hanya kesemuanya dipenuhi oleh peringkat tayangan sahaja beberapa panjangnya, iaitu mempertunjukkan kepada penonton-penonton akan rupa berbagai-bagai tabiat atau fikiran atau sifat perangai. Maka lain-lain daripada itu ada pula cerita-cerita wayang yang tujuannya ialah mengadakan udara yang khas, untuk akan tenggelam di dalamnya tiap-tiap pembaca atau pendengar atau penonton, dan bukanlah maksudnya hendak memetakan sifat-sifat kendirian salah seorang orang cerita ini dengan petaan yang sempurna atau membentangkan sesuatu tabiat daripada berjenis-jenis tabiat manusia dengan bintangan yang meliputi.

Dalam pada itu keadaan banyak macam tarikan dan arah tujuan itu tidaklah boleh mengganggu sekali-kali akan segala rukun yang tiga yang tak dapat tidak bagi

binaan cerita wayang ini. Bahkan kadang-kadang melemahkan satu rukun kerana hendak menegakkan satu rukun yang lain, atau kadang-kadang ia menguatkan satu rukun dengan kiraan menjadikannya sama kuat seperti dua rukun yang lain. ilmu pertukangan cerita wayang itu sentiasa berubah-ubah kerana membaharui dirinya dan dalam masa ia membaharui dirinya iaitu tidaklah pula ia lupa dengan sebab pengalamannya atau sebab tabiat semula jadinya akan rukun-rukunnya yang wajib bagi menegakkan perdiriannya.

Itulah dia peringkat simpulan pada cerita wayang, iaitu kejadian yang berjuang kepada berjenis-jenis cawangan. atau kepayahan yang berkait mengait antara segala bahagiannya. Tetapi semuanya percawangan dan perkaitannya ini tak dapat tidak mestilah sampai kepada hujung atau tepinya yakni penghabisan yang menamatkan cerita itu.

Maka peringkat yang mencuram menuju hujung atau penghabisan ini ialah yang kita namakan pada permulaan tadi peringkat “huraian” iaitu peringkat yang menghuraikan simpulan cerita itu dan membawa cerita itu kepada tempatnya. Maka iaitu jika pada “cerita-cerita duka” biasanya ialah kejadian mati sebagai pembalasan kepada lanang yang berdosa dan sebagai hujung yang penghabisan kepada kehidupan lanang yang mulia. Adapun jika pada “cerita suka” maka ghalibnya penamat cerita itu ialah perkahwinan jadi sebagai kesudahan yang penuh dengan riang dan suka ria.

Peringkat yang penyudah ini pada cerita wayang adalah datangnya sebagai hasil atau perolehan daripada kehidupan yang telah lalu : Dialah jawab kepada peritisan “apa kesudahannya?” dan dialah kejadian yang menyenangkan hati kemudian daripada keluh kesah yang tergantung-gantung dan ternanti-nanti. Oleh itu pengarang-pengarang cerita duka menjadikan dia kelepasan atau perhentian penat yang kekal selama-lamanya di akhirat bagi lanang yang sesungguh-sungguhnya pahlawan ; dan pengarang-pengarang cerita suka menjadikan dia nikmat kesenangan dunia bagi orang yang berasyik masyuk atau berkasih-kasihan. Kerana mereka (pengarang-pengarang itu) tahu bahawa dengan diperbuat demikian adalah mereka menerima menerbitkan perasaan senang dan lenang

dan puas dalam hati-hati penonton.

Dalam pada itu ada pula setengah-setengah cerita wayang karangan zaman baharu sekarang ini telah menjalani jalan yang lain pula. Maka iaitu tidaklah menjadikan daripada penghabisan cerita itu apa-apa keputusan yang memberi jawab kepada penonton-penonton dan tidak pula diterbitkan daripadanya sebarang perasaan lapang dan puas hati. Bahkan dijadikannya daripada kesudahan cerita itu suatu soal pertanyaan yang besar yang tinggal tidak berjawab dan lekat dalam ingatan pembaca-pembaca atau penonton-penonton dengan tidak ada jawabnya itu dan tidak ada siapa-siapa yang akan menjawabnya atau pun dijadikan daripada kesudahan cerita itu suatu perhentian yang hanya mengembangkan perasaan keluh kesah dalam hati dan tiada terbit daripadanya sebarang perasaan puas dan berhenti penat. Maka tidaklah terusik simpulan cerita itu olehnya barang sedikit juapun melainkan kekallah simpulan itu tersimpul juga dengan tiada huriahan apa-apa.

Barangkali juga kesudahan yang demikian ini kadang-kadang ada kalanya lebih memberi kesan pada hati. Shakespeare telah sedar akan yang demikian itu dan telah berbuatnya demikian dalam cerita "Othellonya" iaitu ditinggalkan "Yagu" yang khianat itu kekal hidup di hadapan kita setelah orang-orang yang terkorban dengan sebab fitnah yang diada-adakannya itu mati dan binasa semuanya. Pada hal dia lah yang kita telah berharap dan berdoa-doa benar dari mula-mula tadi benar mati terbunuh dan biar terlabuh tirai kematian di atas mayatnya yang telah terpanggil dan terpotong-potong. Shakespeare tidak mahu membiarkan kita perasaan puas hati demikian ini, melainkan berkekalan jugalah hati kita sakit, marah dan keluh kesah mengutuk akan "Yagu" sepanjang-panjang masa!

Sekarang sudahlah kita tahu sedikit dari hal rakan-rakan cerita wayang. Maka tinggal masalah bagaimanakah keadaan tabiatnya bangunan yang terbina yang dinamakan orang "cerita wayang" ini : Adakah ia seperti keadaan segala binaan yang lain iaitu jawab diperbutkan pelannya dahulu

baik-baik dipetakan segala garisan-garisannya dengan segala suku-suku dan pecahan-pecahan bahagiannya yang halus-halus itu tertera semuanya sebelum dimulakan mengerjakannya atau mendirikan binaannya itu? Ini pada fikiran saya ialah suatu masalah yang terserah kepada timbangan masing-masing. Dalam tarikh pengarang-pengarang yang terbilang kadang-kadang memang ada juga terjumpa pengarang-pengarang yang berbuat pelan cukup-cukup demikian sebelum mereka mulai mengarang, tetapi ada juga pengarang yang berbuat lain daripada demikian itu. Maka bukanlah boleh bagi siap-siap mengetuaikan kepada seseorang tukang bagaimana jalan ia mesti membuat kerjanya bertukang itu. Sehabis banyaknya yang kita berhak boleh berbuat hanyalah membahaskan banyaknya memerhati dan menarik keputusan daripadanya. Maka apabila kita lihat kemudian daripada itu seseorang tukang melanggar apa-apa bahas dan natijah-natijah dan faedah-faedah yang telah kita aturkan ini, tidaklah pula jadi salah tukang itu asalkan ia dapat pada kesudahan-kesudahannya mengeluarkan sesuatu tapak tukul yang indah walau apa jalan yang diikutnya.

Hanya saya sendiri berfikir daripada pencubaan saya sendiri yang khas bahawa cerita wayang itu sungguhpun ia suatu binaan tetapi bukanlah binaan yang pekak tuli. Adalah ia suatu binaan yang hidup, kerana ia terwujud daripada diri-dirinya orang yang hidup, bergerak dan bercakap. Maka daripada percakapan kadang-kadang terbit hal-hal cawangan kecil yang tak disangka-sangka iaitu hal-hal yang tiada dapat saya pengarang hendak mengira-giranya atau mengirakannya lebih dahulu. Sungguhlah pengarang boleh menentukan hadnya lebih dahulu bagaimana-bagaimana tabiat orang-orang cerita itu hendak diperbuatnya, bagaimana-bagaimana sifat-sifat perangai mereka itu yang hendak dipetakannya, dan bagaimana langkah-langkah kehidupan mereka dan kesudahan-kesudahan yang dituju mereka akan tetapi tiadalah ia upaya menentukan hadnya segala butir kecil-kecil daripada percakapan mereka dan tidak pula pecahan yang halus-halus daripada pemikiran mereka; melainkan setelah dikerjakannya betul-betul menyusun ceritanya itu dan dimulakannya mengarangkannya baharulah dapat ditentukannya.

Bangunan cerita wayang itu tidaklah boleh ia jadi

seperti bangunan rumah manusia; kerana tukang pelan rumah manusia apabila telah dipelankan rupa sesuatu bangunan itu di atas kertas maka tidaklah ada apa-apa yang betul mengubahkannya daripada pelan itu. Ada pun pengarang tidaklah ia boleh menjamin yang ia akan tetap kekal betul-betul di atas keadaan yang telah dicadangkannya mula-mula. Jika sekiranya kediriannya terdorong kepada suatu arahnya yang lain oleh sebab sepatih kata yang terkeluar dengan tak disangka-sangka daripada mulut seseorang lain. Cerita wayang itu adalah seolah-olah tepung berkami atau tanah liat yang lembut boleh terbentuk kepada bermacam-macam rupa dalam tangan pengarangnya, keadaannya adalah seperti suatu pokok yang tumbuh bertambah besar dibawah jagaan dan dalam bela peliharaan tukang kebun. Seseorang pengarang itu terhadap kepada orang-orang dalam cerita wayang sebandinglah dengan sukatannya takdir atau sukatan azali terhadap kita sekalian: Bahawa sukatan takdir itu tahu ia apa yang ia akan perbuat kepada kita pada akhir-akhir kesudahan kelak, tetapi ditinggalkannya kepada kita kebebasan berkata-kata dan bergerak sebagaimana yang dimestikan oleh dorongan-dorongan kita yang disebelah dalam.

Demikianlah pendapatannya topik al-Hakim berkenaan dengan ilmu mengarang cerita wayang, dinyatakan dengan ringkas. Tuan Taufik al-Hakim ini telah mendapat pelajaran Baratnya di negeri Perancis dan ada ia mengarang beberapa karangan kecil-kecil dalam bahasa Perancis. Tetapi yang terutama menjadikan dia terkenal di seluruh dunia Arab dan kepada segala ahli persuratan Arab ialah karangan-karangannya yang beberapa banyak dalam bahasa Arab – cerita-cerita rekaan, karangan-karangan buah fikiran, dan cerita-cerita wayang.

Maka daripada keterangan dan huraiyan yang telah diberikannya berkenaan mengarang cerita wayang ini dapatlah kita camkan bahawa cerita yang elok itu bukan seperti cerita wayang Melayu yang diaturkan atas faedah cara tua oleh setengah-setengah pengarang cerita wayang dalam radio sekarang ini – tawar, tak bersemangat, tak ada roh kesyairan dan kesyairan dalam percakapannya, dan tak ada kelakar, untuk menyukarkan hati dan lain-lain hal yang mustahak seperti yang dibayangkan

dalam rencana-rencana Taufik al-Hakim ini. Cerita-cerita demikian selalu kita dengar dilakukan dalam radio Melayu dari Singapura.

Tambahan pula cerita-cerita wayang yang khas untuk dilakukan dari belakang radio tentulah berlainan sedikit faedahnya dan cara-caranya dan sifat-sifat kewajipannya daripada cerita wayang yang untuk dilakukan di hadapan mata ; penonton-penonton , cubalah dengar cerita-cerita wayang radio yang dilakukan oleh orang putih dalam bahasa mereka sendiri; kalau tentang yang menangis menangis betul bunyinya; kalau tentang yang dahsyat dan berbahaya hingga berdiri bulu rompa kita mendengarnya, tidak seperti lakonan orang yang sudah separuh mati yang tiada harapan lagi daripada kehidupan dunia ini. Hanya sentiasa menyebut-yebut nasib yang tak dapat dielakkan sahaja! Maka ditertawakan cerita itu oleh tiap-tiap orang ahli fikiran yang mendengarnya.

[akan datang : Karangan buah fikiran]



Perempuan Islam di Kashmir yang menderita di dalam perpindahan perjuangan. Inilah suatu masalah yang besar yang dihadapi oleh Pakistan beberapa lama yang lalu.